NO SOALAN :455

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)

[LUMUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan dengan terperinci bagaimana Kerajaan mampu melunaskan hutang Negara yang kini telah mencecah RM800 Bilion memandangkan setiap tahun kerajaan hanya bayar balik RM40 Bilion sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah hutang sebanyak RM833.7 bilion tersebut adalah merujuk kepada hutang luar Malaysia sehingga akhir Disember 2015. Berdasarkan

penggunaan definisi baharu hutang luar negeri, jumlah hutang ini adalah merupakan hutang luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam bukan kewangan (PABK), sektor swasta yang lain serta deposit dan pegangan kertas hutang didalam negara dan kredit perdagangan oleh bukan pemastautin (*foreign holding*). Di bawah kategori hutang luar Malaysia, hutang Kerajaan Persekutuan hanya berjumlah RM21.5 bilion atau 1.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

2. Bayaran balik RM40 bilion adalah merujuk kepada bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan. Sehingga akhir Disember 2015, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM630.5 bilion atau 54.5% daripada KDNK. Daripada jumlah itu, sebanyak RM609.1 bilion (96.6%) adalah dari sumber domestik manakala sebahagian kecil iaitu RM21.5 bilion (3.4%) daripada sumber luar negeri.

3. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman kasar tahunan dengan mengambil kira keperluan untuk membayar balik hutang yang matang serta membiayai defisit. Bagi tahun 2015, pinjaman kasar adalah berjumlah RM99.1 bilion, di mana jumlah bayaran balik adalah RM60.8

bilion dan pinjaman bagi membiayai defisit adalah RM37.2 bilion. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah sentiasa dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain di buat dan sehingga kini, Kerajaan **tidak pernah** gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat.